

Peluang Kerjaya Lebih Cerah Jika Ada Pengalaman Kerja



Oleh: Puteri Nurin Hazwani Naszri

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 7 Julai 2021

Rata-rata pelajar hanya menutup telinga jika berbicara tentang bekerja ketika masih belajar. Mungkin pada mereka, belum waktunya untuk mereka berfikir tentang pekerjaan kerana ingin fokus terhadap pembelajaran.

Namun, sesetengah pelajar yang berpandangan jauh akan bersedia untuk bekerja sebagai tiket untuk menempah tempat lebih awal dalam dunia pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

Persaingan untuk mendapatkan pekerjaan di negara ini juga semakin sengit. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penganggur di Malaysia meningkat kepada 772,900 orang atau kira-kira 4.8 peratus pada Disember 2020.

Statistik juga menunjukkan lebih 80 peratus penganggur bersedia untuk bekerja dan sedang aktif mencari pekerjaan.

Hampir 50 peratus penganggur aktif menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala penganggur yang berada dalam pengangguran jangka panjang selama lebih dari setahun merangkumi 10.5 peratus.

Angka-angka itu cukup untuk menggesa pelajar supaya bersedia dari segi mental dan fizikal bagi menghadapi cabaran luar biasa dalam perjalanan mencari pekerjaan.

Kejayaan akademik memang diakui penting untuk melayakkan graduan mendapatkan pekerjaan yang diinginkan. Walau bagaimanapun, impian itu sukar dicapai sekiranya mereka tidak mempunyai pengalaman kerja.

Dalam timbunan resume di atas meja perekrut, bukan semua yang akan mereka teliti secara terperinci. Bahkan, mungkin hanya beberapa orang sahaja yang akan disenarai pendek untuk ditemu duga.

Semestinya, dengan pengalaman kerja yang disenaraikan dalam resume para graduan, peluang untuk menangkap mata perekrut adalah lebih tinggi berbanding mereka yang tiada sebarang pengalaman kerja lagi.

Menurut kajian Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), majikan memerlukan pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran am merangkumi kemahiran bahasa, pengetahuan am dan semasa, kebolehan melayan pelanggan, pengetahuan dalam teknologi maklumat dan komunikasi serta pengalaman atau pendedahan terhadap dunia pekerjaan.

Selain kebolehpasaran, pelajar akan dapat mengasah kemahiran insaniah masing-masing. Ketika kemahiran insaniah sebatik dalam diri seseorang, beberapa elemen utama juga dapat dimiliki, seterusnya personaliti menarik dapat dibentuk.

Kemahiran berkomunikasi yang sangat dititikberatkan oleh majikan dalam proses pengambilan pekerja juga termasuk dalam senarai elemen-elemen utama kemahiran insaniah.

Jika diteliti, elemen-elemen dalam kemahiran insaniah hanya dapat diperoleh secara amali sedangkan di universiti banyak teori dikeluarkan tanpa dibuktikan secara praktikal.

Menurut kajian selidik oleh Bank Dunia dan TalentCorp, kira-kira 90 peratus syarikat berpendapat lebih banyak latihan praktikal perlu disediakan untuk graduan manakala 80 peratus syarikat berpendapat kurikulum universiti tidak mencerminkan realiti semasa.

Selain itu, 81 peratus syarikat menilai kemahiran komunikasi sebagai kekurangan utama dalam kalangan graduan. Justeru, kemahiran ini perlu dipelajari oleh pelajar dengan menimba sebanyak mungkin pengalaman kerja.

Pengalaman kerja turut membantu pelajar meluaskan jaringan perhubungan dengan industri. Peluang pelajar yang bekerja untuk berhubung dengan individu berpengalaman dan pakar dalam industri pilihan mereka adalah lebih tinggi berbanding pelajar yang hanya duduk di dalam kepompong universiti.

Langkah itu secara tidak langsung dapat membantu memudahkan usaha mereka mengisi jawatan kosong yang ditawarkan kelak.

Mudah bukanlah bermaksud kerana ‘kabel’, tetapi kerana pengetahuan yang dimiliki graduan tentang industri pekerjaan akan lebih luas, impak daripada jaringan perhubungan yang dibina bersama mereka yang berpengalaman.

Islam juga menggalakkan kita menimba ilmu daripada orang yang pakar dalam sesuatu bidang.

Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Maka bertanyalah kepada ahlinya (orang-orang yang tahu atau pakar) jika kamu tidak mengetahui (keadaan sesuatu perkara).” (Surah al-Nahl ayat 43)

Pelajar pada zaman revolusi industri perlu mengubah pemikiran mereka seiring dengan peredaran zaman kerana pada masa ini, kemahiran dan pengalaman lebih diberi keutamaan selain keputusan akademik yang cemerlang.

Mereka mesti melangkah setapak lebih maju ke hadapan jika ingin terus mencapai puncak menara impian. Sedarlah bahawa masa terus berjalan tanpa mempedulikan sama ada kita bersedia atau sebaliknya.